

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : ETIKA PROFESIONAL PEMBINAAN
KOD KURSUS : BPD 32702
PROGRAM : 3 BPC
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2015 / JULAI 2015
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKA SURAT

SULIT

- S1** Seseorang pekerja yang diambil bertugas perlu mengetahui nilai dan etika di dalam pekerjaan. Ini adalah penting untuk mencapai matlamat penubuhan organisasi dan juga menjaga nama baik dan imej organisasi tersebut. Tambahan pula, organisasi mempunyai pelbagai latar belakang dan budaya pekerjanya yang perlu diterima oleh semua pihak. Ini hanya akan terhasil apabila semua pekerja memahami nilai dan etika utama di dalam pekerjaan.
- (a) Terangkan pengertian nilai dan etika daripada perspektif seorang pengurus.
(5 markah)
- (b) Jelaskan dengan contoh faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan berhubung dengan masalah nilai dan etika dalam sesebuah organisasi.
(20 markah)
- S2** (a) Setiap profesional mempunyai obligasi yang perlu dipenuhi dalam menjalankan tugas.

Huraikan **DUA (2)** jenis nilai yang merujuk kepada obligasi dalam etika profesional.
(5 markah)
- (b) Bincangkan **EMPAT (4)** faktor ekonomi yang mempengaruhi seseorang profesional dalam memberikan perkhidmatannya.
(20 markah)
- S3** Kod Etika Kontraktor telah dilancarkan pada 1 Julai 2008 sebagai panduan kepada kontraktor dalam menjalankan tugasnya.
- (a) Jelaskan tujuan pelaksanaan Kod Etika Kontraktor.
(5 markah)
- (b) Kaitkan prinsip-prinsip dalam Kod Etika Kontraktor yang dapat membantu kontraktor bagi menghasilkan projek-projek pembinaan yang lebih berkualiti.
(20 markah)

- S4** Kontraktor merupakan agen atau pihak utama yang bertanggungjawab untuk melaksanakan idea yang diterjemahkan dalam bentuk lukisan kepada bentuk dan spesifikasi sebenar sesuatu binaan.
- (a) Huraikan **DUA (2)** jenis kontraktor yang terlibat dalam menjalankan kerja-kerja pembinaan. (5 markah)
- (b) Bincangkan **LIMA (5)** peranan kontraktor kepada pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan sesuatu pembinaan. (20 markah)
- S5** Tun Dr. Mahathir Mohamed (1996) menyatakan "*Corruption is better known as a practice which enables someone to obtain remuneration through illegitimate means*".
- (a) Jelaskan definisi rasuah dalam konteks bidang pembinaan. (5 markah)
- (b) Bincangkan **SEPULUH (10)** faktor yang menjadi penyumbang kepada isu-isu etika dalam bidang pembinaan. (20 markah)

SULIT

BPD 32702

-SOALAN TAMAT-